

Newspaper	Berita Harian
Date	18/05/2012



TENGGU Abdullah melihat Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif yang dianugerahkan kepada Dr Mahathir pada Majlis Konvokesyen Khas UMP di Gambang, semalam.

Ekstremis Cina halang sokongan kepada BN

BH - 18/5/2012

Majoriti masih berfahaman sederhana: Dr Mahathir

Oleh Irwan Shafiqzān Ismail
irwansha@bharian.com.my

KUANTAN: Pengaruh dan pandangan kumpulan ekstremis Cina boleh menjadi penghalang kepada kaum berkenaan memberi sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, sekalipun sokongan rakyat kini semakin berpihak kepada BN dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), sokongan kaum Cina masih dilihat sebagai penentu kepada kejayaan kerajaan.

"Undi kaum Melayu berpecah tiga (UMNO, PAS dan PKR), undi (kaum) Cina jadi undi penentu, (berdasarkan fakta itu) puak ekstremis

ini mahu kaum Cina memainkan peranan lebih besar (dalam menentukan hala tuju politik negara)," katanya di sini, semalam.

Beliau ditemui pemberita selepas menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif Universiti Malaysia Pahang, di sini.

Majlis penganugerahan itu di sempurnakan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah pada Majlis Konvokesyen Khas UMP.

Dr Mahathir berkata, majoriti kaum Cina di negara ini adalah dalam kalangan mereka yang berfahaman sederhana dan bukanlah ekstremis.

Namun, beliau berkata, puak ekstremis inilah yang memainkan pel-

bagai isu termasuk isu sensitif yang dilihat boleh menggugat perpaduan dan kesejahteraan yang dikecapi rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Apabila puak ekstremis ini kata (sesuatu), dia (golongan sederhana) tak berani nak lawan," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun yakin, PRU-13 nanti akan lebih baik buat BN, berbanding pilihan raya umum pada 2008.

Mengulas laporan akhbar berhubung bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim yang didakwa cuba dirasuah sebanyak RM50,000 supaya menutup mulut dalam isu peletakan jawatannya, Dr Mahathir berkata, Tunku Abdul Aziz adalah seorang yang cukup berintegriti.